



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/1980**

**Menukar Nama Tuanpunya Tanah Sebelum Mendaftarkan
Suratcara Urusan (Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/1980
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/1980

Menukar Nama Tuanpunya Tanah Sebelum Mendaftarkan Suratcara Urusan
(Disemak 2009)

Pekeliling ini adalah untuk menasihati Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai kepentingan mengambil tindakan di bawah seksyen 378 Kanun Tanah Negara sebelum meneruskan tindakan pendaftaran suratcara urusan yang disertakan dengan bukti mengenai pertukaran nama.

2. Maksud seksyen 378 Kanun Tanah Negara ialah untuk membolehkan nama tuan punya tanah yang tertulis di dalam sesuatu dokumen hakmilik itu dipinda seperti menukar ejaan nama, menukar nama atau menambahkan gelaran keturunan pada nama itu. Diharapkan supaya tindakan diambil untuk mengubah nama dengan serta-merta apabila berlaku sesuatu perubahan kepada nama tuan punya tanah. Dengan ini daftar hakmilik tanah akan dapat dikemas kini.

3. Tuanpunya tanah yang telah membuat perubahan pada namanya hendaklah mengemukakan suratcara urusan yang mengandungi namanya yang telah diubah itu. Apabila suratcara urusan tersebut diserahkan untuk pendaftaran, satu bukti mengenai perubahan namanya itu seperti akuan berkanun (surat sumpah) dan sebagainya hendaklah juga disertakan. Suratcara yang demikian bolehlah diterima untuk pendaftaran tetapi Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah perlulah mengambil ingatan bahawa tindakan-tindakan berikut dijalankan menurut giliran seperti berikut:-

- 3.1 Tindakan mengubah nama tuan punya tanah;
- 3.2 Tindakan mendaftar suratcara urusan.

4. Mustahak ditentukan iaitu tindakan mengubah nama hendaklah didahulukan dari tindakan mendaftar suratcara urusan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:-

- 4.1 Mengutip bayaran pendaftaran suratcara urusan;
- 4.2 Mengutip bayaran bagi tindakan mengubah nama;
- 4.3 Mengubah nama tuanpunya dengan membuat satu ingatan dalam dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran;
- 4.4 Menyimpan dokumen yang membuktikan perubahan nama untuk tujuan rekod; dan
- 4.5 Menimbangkan sama ada suratcara urusan itu layak didaftarkan atau tidak.

5. Perlu diambil perhatian iaitu dokumen yang membuktikan perubahan nama tidak boleh disimpan bersama dengan suratcara itu memandangkan kepada tujuan seksyen 378 Kanun Tanah Negara seperti yang diterangkan di atas. Tambahan pula dokumen itu adalah bukannya satu dokumen yang perlu disertakan dengan suratcara di bawah subseksyen 294(2) Kanun Tanah Negara.

6. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah dikehendaki mengambil perhatian iaitu tindakan-tindakan di perenggan-perenggan 3 dan 4 di atas patut diambil jika sesuatu suratcara urusan itu disertakan dengan bukti mengenai perubahan nama.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan